



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

**Ministry of Agriculture and Food Industries**

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM AGROPRENEUR MUDA PERKUKUH SEKURITI MAKANAN NEGARA

**KANGAR, 6 NOVEMBER 2021** -Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan terus memainkan peranan penting dalam memastikan sekuriti makanan negara sentiasa terjamin di sepanjang rantai nilai, selain komited untuk meremajakan sektor pertanian.

Demikian menurut Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Haslina Abdul Hamid ketika merasmikan Program Klinik Usahawan Agro Negeri Perlis 2021, di Kampus UNIMAP Kubang Gajah, hari ini.

“Berdasarkan kajian, penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian boleh mengurangkan pengangguran, meningkatkan bekalan makanan dan mengatasi kemiskinan. Golongan muda juga dikenalpasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi-teknologi pertanian moden seperti IOT, *precision farming* dan *smart farming*”.

Ujar beliau lagi melalui Strategi 3 dalam pembentangan Bajet 2022 iaitu Memilih Sektor-Sektor Tumpuan di bawah Inisiatif 4 bagi terus memacu pemodenan sektor pertanian dalam meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan serta menjana pendapatan lebih tinggi dan menarik lebih ramai generasi muda agropreneur, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM4.82 bilion kepada MAFI bagi mentransformasikan sektor pertanian supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif sekaligus menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara.

Kementerian memberikan fokus khusus kepada golongan muda melalui Program Agropreneur Muda yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan golongan muda berumur diantara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi bidang pertanian merentasi semua sub-sektor agromakanan.

“Bagi merealisasikan perkara ini, Kementerian juga telah melancarkan Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) yang merupakan dasar jangka masa panjang bagi tempoh 2021 hingga 2030, untuk menjadi panduan kepada rangka kerja di Kementerian serta pelaksanaan di peringkat Jabatan dan Agensi”

Komitmen untuk memperkasakan sektor sekuriti makanan negara menerusi DAN 2.0 ini adalah seperti yang ditegaskan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bahawa MAFI beserta Jabatan dan Agensi dibawahnya akan terus memainkan peranan penting dalam memastikan perlaksanaan dasar ini secara efektif disetiap peringkat rantai makanan sektor agromakanan bagi memastikan sekuriti makanan negara senantiasa terjamin.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**6 NOVEMBER 2021**